



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 1**

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG**

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 1**

**PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Tugas-tugas Peguam Negara
4. Bentuk penyiaran
5. Penyisipan atau pengeluaran muka-muka surat hendaklah dibenarkan dengan Perintah
6. Muka surat Undang-Undang hendaklah diberi tajuk “Undang-Undang Negara Brunei Darussalam”
7. Tarikh penyemakan dan penyemakan Undang-Undang pada tarikh-tarikh tertentu
8. Tarikh penyemakan khas bagi Undang-Undang tertentu
9. Pegawai-pegawai tertentu hendaklah menjaga set-set Undang-Undang
10. Set-set Undang-Undang yang berjilid hendaklah disimpan untuk rekod
11. Isi kandungan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam

12. Kuasa untuk meninggalkan Undang-Undang tertentu
13. Sahnya Undang-Undang yang tidak tersentuh oleh ketinggalan dari Undang-Undang
14. Undang-Undang Negara Brunei Darussalam merupakan Buku Undang-Undang Yang Termaktub dan sempurna
15. Kuasa-kuasa Peguam Negara
16. Tidak ada kuasa untuk membuat perubahan-perubahan intisari
17. Undang-undang yang telah disemak tidak boleh berkuatkuasa sebagai undang-undang baru
18. Peruntukan-peruntukan yang telah diubah sah seolah-olah telah diperbuat demikian
19. Tafsiran rujukan-rujukan kepada undang-undang yang dimuatkan dalam Undang-Undang
20. Pembetulan kesilapan atau ketinggalan dalam Undang-Undang
21. Cara lain bagi meminda Undang-Undang
22. Permulaan kuatkuasa Undang-Undang
23. Perbelanjaan Penyemakan

**JADUAL**

---

---

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG**

**Suatu Akta untuk mengadakan syarat bagi Penyemakan  
Undang-Undang Negara Brunei Darussalam** 20 tahun  
1983

*Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari 1984*

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Penyemakan Undang-Undang. Gelaran pendek
2. Di dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain — Tafsiran

“Akta” termasuklah Undang-Undang dan termasuk sebahagian dari Akta ;

“berkuatkuasa” berhubung dengan apa jua undang-undang bertulis selain dari undang-undang bertulis terhadap mana bab 11 (3) dikenakan, bermakna yang diperbuat dan dikuatkuasakan ;

“Undang-Undang” bermakna terbitan undang-undang bertulis Negara Brunei Darussalam yang telah disemak yang disebutkan dalam bab 3 ;

“tarikh semakan” bermakna suatu tarikh yang ditetapkan dengan Perintah di bawah bab 7 (1) sebagai tarikh semakan bagi Undang-Undang ; dan jika Undang-Undang itu mengandungi apa jua undang-undang bertulis yang tertentu yang disemak sebelum itu di bawah bab 8, perujukan di bawah Undang-Undang ini atau apa jua undang-undang bertulis yang lain mengenai tarikh semakan atau tarikh semakan Undang-Undang itu yang terakhir adalah berhubung dengan undang-undang bertulis tertentu itu, termasuk sebutan mengenai tarikh semakan khasnya.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4

### **PENG. 1      *Penyemakan Undang-Undang***

---

Tugas-tugas  
Peguam  
Negara

3. Peguam Negara hendaklah menyediakan, menyiarkan dan menyenggarakan terbitan undang-undang bertulis Negara Brunei Darussalam yang disemak (yang akan digelar Undang-Undang Negara Brunei Darussalam) menurut peruntukan Akta ini.

Bentuk  
penyiaran

4. Undang-Undang itu hendaklah disiarkan dalam bentuk jilid curai atau dalam bentuk lain sebagaimana yang Peguam Negara boleh menentukan dan hendaklah mengandungi bilangan muka surat yang mungkin dibenarkan supaya dimasukkan di dalam bab 5.

Penyisipan  
atau  
pengeluaran  
muka-muka  
surat  
hendaklah  
dibenarkan  
dengan  
Perintah

5. (1) Peguam Negara hendaklah dengan Perintah yang digelar Perintah Penyemakan Undang-Undang membenarkan penyisipan di dalam Undang-Undang pada tiap-tiap muka surat yang akan terkandung di dalamnya, dan pada tiap-tiap muka surat yang dibenarkan sedemikian, tiada yang lain, dan akan merupakan Undang-Undang itu.

(2) Peguam Negara boleh dengan Perintah mengarahkan pengeluaran mana-mana muka surat dari Undang-Undang dan mana-mana muka surat yang telah diarahkan supaya dikeluarkan demikian tidaklah lagi merupakan sebahagian dari Undang-Undang itu.

(3) Tiap-tiap muka surat yang terkandung di dalam Undang-Undang hendaklah menunjukkan di muka depannya atau di sebelah belakangnya rujukan kepada Perintah Penyemakan Undang-Undang dengan mana kemasukan di dalamnya adalah dibenarkan.

Muka surat  
Undang-  
Undang  
hendaklah  
diberi tajuk  
“Undang-  
Undang  
Negara  
Brunei  
Darussalam”

6. (1) Tiap-tiap muka surat yang terkandung dalam Undang-Undang hendaklah menunjukkan di sebelah atasnya tajuk “Undang-Undang Negara Brunei Darussalam”.

(2) Sesuatu muka surat yang menunjukkan tajuk yang ditentukan oleh ceraian (1) dan terbit dalam hal lain sebagai sebahagian dari Undang-Undang itu hendaklah bagi segala maksud dianggap sebagai satu muka surat dari Undang-Undang itu.

(3) Sesiapa jua yang mencetak, menyiaran atau dengan setahunya mempunyai dalam miliknya apa jua muka surat yang bermaksud untuk mengelirukan sebagai satu muka surat Undang-Undang atau yang seakan-akan menyerupai satu muka surat Undang-Undang supaya mungkin akan disalah duga sebagai muka surat Undang-Undang, akan bersalah, Hukuman, didenda \$5,000 dan dipenjara 2 tahun.

7. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah menentukan sesuatu tarikh sebagai tarikh penyemakan bagi Undang-Undang.

(2) Peguam Negara hendaklah menyemak Undang-Undang dengan seberapa segera yang dapat dilakukan, yakni, Peguam Negara hendaklah menyediakan muka-muka surat yang perlu dalam Undang-Undang dan (berkenaan dengan penyemakan kali kedua atau apa jua penyemakan berikutnya) bagi pengeluaran muka-muka surat yang tidak lagi dikehendaki, yang bertujuan supaya Undang-Undang itu adalah, tertakluk kepada peninggalan-peninggalan sebagaimana yang dibenarkan di bawah bab 12, mengandungi segala undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam pada tarikh penyemakan itu.

Tarikh  
penyemakan  
dan  
Penyemakan  
Undang-  
Undang  
pada tarikh-  
tarikh  
tertentu

8. (1) Dalam hal-hal teristimewa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah menentukan sesuatu tarikh selain dari tarikh penyemakan yang ditentukan di bawah bab 7 sebagai satu tarikh penyemakan khas bagi sesuatu undang-undang bertulis yang tertentu yang dinyatakan dalam Perintah itu.

Tarikh  
penyemakan  
khas bagi  
Undang-  
Undang  
tertentu

(2) Peguam Negara hendaklah menyemak undang-undang bertulis tertentu itu dengan seberapa segera yang dapat dilakukan selepas tarikh penyemakan khas itu dan hendaklah menerbitkannya, sebagai berkuatkuasa pada tarikh itu, di dalam Undang-Undang itu.

(3) Dalam tiap-tiap perkara sedemikian, Peguam Negara hendaklah memasukkan satu tarikh yang bersesuaian di dalam Undang-Undang dengan rujukan kepada tarikh penyemakan khas bagi undang-undang bertulis itu.

Pegawai-pegawai tertentu hendaklah menjaga set-set Undang-Undang

**9.** (1) Peguam Negara hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap muka surat yang dibenarkan untuk diterbitkan dalam Undang-Undang supaya diserahkan dengan seberapa segera yang dapat dilakukan selepas penyiaran kepada Menteri, kepada Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, kepada Pendaftar Mahkamah Besar dan kepada Penjaga Arkib Kerajaan.

(2) Adalah menjadi kewajipan Peguam Negara dan tiap-tiap seorang dari pegawai-pegawai yang disebutkan dalam ceraian (1) untuk menjaga satu set Undang-Undang dan tepat pada waktunya untuk menyisipkan muka-muka surat yang dibenarkan supaya disisipkan di bawah bab 5 (1) dan untuk mengeluarkan muka-muka surat yang diarahkan supaya dikeluarkan di bawah bab 5 (2) dan Peguam Negara hendaklah mengambil langkah-langkah selanjutnya yang perlu untuk memastikan bahawa hendaklah pada bila-bila masa diadakan tersedia kepada mahkamah-mahkamah dan kepada orang ramai set-set Undang-Undang yang dijaga secara yang diperuntukkan oleh ceraian ini.

Set-set Undang-Undang yang berjilid hendaklah disimpan untuk rekod

**10.** (1) Beberapa juga bilangan set-set undang-undang yang berjilid sebagaimana yang telah disiarkan pada asalnya, yang Peguam Negara mungkin fikirkan patut, hendaklah dibubuh tarikh dan ditandatangani oleh Peguam Negara dan hendaklah dimeterai dengan Mohor Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

(2) Peguam Negara hendaklah menyimpan satu set dan hendaklah menyebabkan satu set supaya diserahkan kepada Menteri, kepada Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, kepada Pendaftar Mahkamah Besar dan kepada Penjaga Arkib Kerajaan, dan adalah menjadi kewajipan Peguam Negara dan pegawai-pegawai tersebut untuk menjaga dalam simpanan yang selamat set-set mereka masing-masing bersama-sama dengan Perintah-perintah dan muka-muka surat tambahan yang disebut dalam ceraian (3) bagi maksud rekod.

(3) Tiap-tiap tahun atau pada jarak-jarak masa sebagaimana yang Peguam Negara berpendapat adalah patut, berapa jumlah set bagi semua muka surat tambahan yang dikeluarkan di bawah bab 7 atau 8, semua Kenyataan yang dibuat di bawah bab 20 (2) (a) dan semua muka surat yang dikeluarkan di bawah bab 20 (2) (b) hendaklah dijilid dalam berapa banyak jilid yang mungkin sesuai dan hendaklah dikendalikan secara yang sama seperti set-set Undang-Undang yang berjilid sebagaimana yang disiarkan pada asalnya dikehendaki supaya dikendalikan oleh ceraian-ceraian (1) dan (2).

11. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3) dan kepada bab 12, Undang-Undang hendaklah mengandungi —

(a) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang berkuatkuasa pada tarikh penyemakan terakhir ;

(b) tiap-tiap Akta yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam pada tarikh penyemakan terakhir, kecuali ditinggalkan di bawah bab 12 ;

(c) apa jua undang-undang subsidiari yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam pada tarikh penyemakan terakhir yang Peguam Negara fikirkan patut supaya dimasukkan ke dalamnya.

(d) senarai Akta-Akta menurut susunan waktunya, daftar isi kandungan dan indeks ;

(e) senarai Akta-Akta yang ditinggalkan di bawah kuasa kebenaran bab-bab 12 (1) dan 12 (2) (d) dan (e).

**Jadual**

(2) Peguam Negara boleh memasukkan dalam Undang-Undang apa jua suratan perlembagaan, perundangan atau suratan-suratan lain sebagaimana yang dari masa ke semasa ditetapkan dalam Jadual ; dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah mempunyai kuasa dengan Perintah untuk meminda Jadual tersebut.

(3) Peguam Negara boleh, dengan Perintah di bawah bab 5 membenarkan kemasukan ke dalam Undang-Undang sesuatu undang-undang bertulis yang telah diperbuat tetapi masih belum dikuatkuasakan pada tarikh penyemakan terakhir bagi Undang-Undang itu ; dan berhubung dengan mana-mana undang-undang sedemikian perkataan “berkuatkuasa” dalam ceraian (1) dan dalam bab 7 (2), 8 (2) dan 14 bermakna telah diperbuat, sama ada telah dikuatkuasakan atau tidak.

(4) Peguam Negara boleh memasukkan ke dalam Undang-Undang apa jua Akta Parlimen, Order in Council, perjanjian (treaty), konvensyen dan sebarang suratcara dan enakmen yang telah dikenakan atau diperluaskan kepada Negara Brunei Darussalam berserta dengan angka ganda, catatan, rujukan, kenyataan dan penyesuaian yang mungkin difikirkannya berfaedah.

**Kuasa untuk meninggalkan Undang-Undang tertentu**

**12. (1)** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah membenarkan Peguam Negara supaya meninggalkan dari Undang-Undang apa jua Akta yang dinyatakan dalam Perintah itu.

(2) Selain dari apa jua Akta yang ditinggalkan di bawah ceraian (1), Peguam Negara boleh selanjutnya meninggalkan dari Undang-Undang —

(a) apa jua Akta Peruntukan (Appropriation Act) atau Akta Peruntukan Tambahan (Supplementary Appropriation Act) ;

(b) apa jua Akta United Kingdom (United Kingdom Act) yang dikenakan ;

(c) apa jua Akta jenis sementara yang boleh pada pendapat Peguam Negara sesuai ditinggalkan.

13. (1) Tiada apa pun undang-undang bertulis yang telah ditinggalkan dari Undang-Undang di bawah kuasa kebenaran Akta ini atau lain, boleh dianggap tidak mempunyai kuatkuasa dan tidak sah hanya oleh sebab halnya bahawa ianya telah ditinggalkan demikian.

(2) Pemansuhan atau ketinggalan dari Undang-Undang apa jua Akta yang dimansuhkan atau ditinggalkan semasa dan bagi maksud penyediaan Undang-Undang tidaklah menyentuh sahnya sebarang ketetapan Majlis Mesyuarat Negeri yang ada terdapat, atau sebarang proklamasi, aturan, peraturan, perintah, kenyataan, undang-undang kecil, atau suratcara lain, yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dan diperbuat di bawah, atau oleh sebab sebarang kuasa yang sah di sisi undang-undang yang diberikan menurut sebarang Akta yang telah dimansuhkan atau ditinggalkan demikian tetapi proklamasi-proklamasi, aturan-aturan, peraturan-peraturan, perintah-perintah, kenyataan-kenyataan, undang-undang kecil, atau suratcara-suratcara lain sedemikian, setakat yang ianya tidak berlawanan dengan apa jua undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa, adalah terus berkuatkuasa sehingga diperuntukkan sebaliknya.

Sahnya  
Undang-  
Undang  
yang tidak  
tersentuh  
oleh  
ketinggalan  
dari  
Undang-  
Undang

Undang-  
Undang  
Negara  
Brunei  
Darussalam  
merupakan  
Buku  
Undang-  
Undang  
Yang  
Termaktub  
dan  
sempurna

Kuasa-kuasa  
Peguam  
Negara

**14.** Tertakluk kepada bab-bab 13 dan 16, dan dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 atau apa jua undang-undang bertulis yang mengkehendaki semua undang-undang bertulis supaya dicetak kedua-duanya dalam bahasa Melayu dan Inggeris muka-muka surat yang telah dibenarkan untuk dimasukkan ke dalam Undang-Undang adalah, dalam semua mahkamah dan bagi semua maksud, menjadi Buku Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Yang Termaktub ber-sabit dengan undang-undang bertulis yang terkandung didalamnya sebagaimana yang berkuatkuasa pada tarikh penyemakan terakhir ; dan semua undang-undang bertulis sedemikian adalah diberi pengiktirafan kehakiman.

**15.** Dalam persediaan Undang-Undang untuk sebarang penyemakan di bawah bab 7 atau 8, Peguam Negara adalah mempunyai kuasa-kuasa yang berikut :

(a) untuk meninggalkan :—

- (i) semua undang-undang bertulis atau bahagian-bahagian dari undang-undang bertulis yang telah dimansuhkan dengan nyata atau dengan mempunyai pengertian demikian atau yang habis tempohnya atau keadaan yang dimaksudkan tidak lagi wujud atau telah terlaksana ;
- (ii) semua peruntukan-peruntukan pemansuhan yang terkandung di dalam undang-undang bertulis dan juga semua daftar yang tersusun atau senarai bagi undang-undang bertulis yang telah dimansuhkan sama ada yang terkandung di dalam jadual atau tidak ;
- (iii) semua perkataan enakmen dalam apa jua undang-undang bertulis atau peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis ;

(iv) semua peruntukan yang menetapkan tarikhnya bila, atau caranya yang, apa jua undang-undang bertulis atau sebahagian dari apa jua undang-undang bertulis akan mula berkuatkuasa, jika ketinggalan demikian boleh, pada pendapat Peguam Negara, dilakukan dengan sesuai ;

(v) semua undang-undang bertulis pindaan atau bahagian-bahagian undang-undang bertulis jika pindaan-pindaan yang dikuatkuasakan oleh undang-undang bertulis demikian telah dimuatkan oleh Peguam Negara ke dalam undang-undang bertulis dengan mana ianya berhubungan ;

(b) untuk menyatukan ke dalam satu undang-undang bertulis mana-mana dua atau lebih undang-undang bertulis **dalam perkara yang pada umumnya sama dasarnya (pari materia)**, menjadikan perubahan-perubahan olehnya perlu dibuat dalam undang-undang bertulis yang disatukan itu, dan membubuh sesuatu tarikh kepadanya yang mungkin nampaknya paling sesuai ;

(c) untuk mengubah aturan peruntukan-peruntukan di dalam apa jua undang-undang bertulis dan, dalam semua perkara jika menjadi perlu berbuat demikian, untuk memberi nombor baru kepada peruntukan-peruntukan apa jua undang-undang bertulis ;

(d) untuk mengubah bentuk atau susunan sebarang peruntukan dari apa jua undang-undang bertulis, sama ada dengan merangkaikannya sama sekali atau sebahagiannya dengan peruntukan lain

atau peruntukan-peruntukan lain, atau dengan membahagikannya kepada dua atau lebih peruntukan atau dengan menukarkan tempat perkataan-perkataan ;

(e) untuk membahagikan apa jua undang-undang bertulis, sama ada yang disatukan atau tidak, kepada bahagian-bahagian atau pecahan-pecahan lain dan untuk memberikan bahagian-bahagian atau pecahan-pecahan demikian tajuk-tajuk yang sesuai ;

(f) untuk memindahkan mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam apa jua undang-undang bertulis daripada undang-undang bertulis itu kepada apa jua undang-undang bertulis yang lain kepada mana ianya lebih wajar ditempatkan atau kepada sesuatu undang-undang bertulis yang berasingan ;

(g) untuk mengatur undang-undang bertulis, sama ada yang disatukan atau tidak, dalam apa jua kumpulan atau susunan yang mungkin sesuai dengan tidak mengindahkan tarikh enakmennya ;

(h) untuk menambah sesuatu gelaran panjang, gelaran pendek atau gelaran kepada apa jua undang-undang bertulis yang mungkin memerlukannya, dan, jika dikehendaki, untuk mengubah gelaran panjang, gelaran pendek atau gelaran apa jua undang-undang bertulis ;

(i) untuk memendekkan, memudahkan, menjelaskan dan dalam kaedah lain mengubah susunan kata apa jua undang-undang bertulis ;

(j) untuk membetulkan kesilapan-kesilapan tatabahasa dan gaya percetakan, atau mana-mana kesilapan kerja kerani atau percetakan di dalam apa jua undang-undang bertulis, dan bagi maksud itu

untuk membuat tambahan-tambahan perkataan, meninggalkan atau membuat perubahan-perubahan yang tidak menyentuh makna apa jua undang-undang bertulis ;

(k) untuk menambah, memotong, mengubah dan menggantikan tafsiran-tafsiran istilah dan perbahasaan dalam apa jua undang-undang bertulis ;

(l) untuk menyediakan atau mengubah catatan-catatan di ruang tepi, catatan-catatan kata pengantar atau tajuk-tajuk ;

(m) untuk membetulkan rujuk-rujuk silang ;

(n) untuk membuat perubahan-perubahan rasmi mengenai nama-nama, tempat-tempat, pejabat-pejabat, gelaran-gelaran dan dengan secara lain sebagaimana yang mungkin perlu untuk menyesuaikan apa jua undang-undang bertulis dengan keadaan-keadaan Negara Brunei Darussalam ;

(o) untuk membuat pengubahsuaian-pengubahsuaian dan penyesuaian-penesuaian dan untuk memasukkan kelayakan-kelayakan dan pengecualian ke dalam apa jua undang-undang bertulis sebagaimana yang mungkin nampaknya perlu atau dikehendaki disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam Perlembagaan Brunei atau taraf Perlembagaan Brunei atau mana-mana Wilayah Commonwealth atau pada amnya dalam keadaan-keadaan Negara Brunei Darussalam atau dalam Kerajaan atau Perkhidmatan Awam ;

(p) untuk melakukan semua perkara berhubung dengan bentuk dan cara yang mungkin perlu terhadap penyempurnaan Undang-Undang.

Tidak ada kuasa untuk membuat perubahan-perubahan intisari

Undang-Undang yang telah disemak tidak boleh berkuatkuasa sebagai undang-undang baru

Peruntukan-peruntukan yang telah diubah sah seolah-olah telah diperbuat demikian

Tafsiran rujukan-rujukan kepada undang-undang yang dimuatkan dalam Undang-Undang

**16.** (1) Tiada sebarang apa pun di dalam Akta ini, boleh ditafsirkan sebagai memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk mengubah intisari apa jua undang-undang bertulis.

(2) Walau bagaimanapun jika difikirkannya perlu oleh Peguam Negara untuk mengubah intisari apa jua undang-undang bertulis, maka Peguam Negara boleh menggubal suatu Rang Undang-Undang bagi maksud itu.

**17.** Undang-Undang tidak boleh dianggap berkuatkuasa sebagai undang-undang baru, tetapi hendaklah ditafsirkan dan mempunyai kuatkuasa sebagai penyatuan dan sebagai pernyataan bagi undang-undang bertulis yang telah disemak dan diterbitkan di dalamnya.

**18.** Jika, dengan memandang kepada apa jua peruntukan dari Akta Tafsiran dan Perkara-perkara ‘Am Peguam Negara telah, pada menjalankan apa jua kuasa yang diberikan oleh Akta ini, menyusun semula perkataan-perkataan sesuatu undang-undang bertulis dengan cara mempermudah atau dengan cara lain meninggalkan mana-mana peruntukan darinya, atau mengubah apa jua undang-undang bertulis dengan apa jua cara lain, tanpa menyentuh intisarinya, maka peruntukan yang telah diubah dari undang-undang bertulis yang diterbitkan menurut Akta ini hendaklah bagi semua maksud dianggap sebagai salinan yang sah bagi undang-undang bertulis itu seolah-olah ianya telah diperbuat dalam bentuk itu.

**19.** Jika di dalam apa jua undang-undang bertulis atau suratcara atau dokumen lain rujukan ada dibuat kepada apa jua undang-undang bertulis yang peruntukan-peruntukannya telah dengan kuatkuasa Undang-Undang ini dimuatkan dalam Undang-Undang, maka rujukan sedemikian adalah jika perlu dan boleh dilakukan dianggap diperluaskan dan dikenakan kepada peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam Undang-Undang itu.

**20.** (1) Jika apa-apa kesilapan yang telah dibuat dalam penerbitan Undang-Undang sampai ke perhatian Peguam Negara, maka Peguam Negara hendaklah dengan serta-merta membetulkan kesilapan itu dengan secara yang diperuntukan oleh bab ini.

Pembetulan  
kesilapan  
atau  
ketinggalan  
dalam  
Undang-  
Undang

(2) Peguam Negara boleh membetulkan kesilapan itu —

(a) dengan satu Perintah (yang akan digelar “Perintah Pembetulan”) dengan membuat pindaan-pindaan yang dikehendaki kepada Undang-Undang ; dan (sama ada sebagai ganti atau tambahan)

(b) dengan satu Perintah Penyemakan Undang-Undang, mengeluarkan, memasukkan atau menggantikan muka-muka surat dalam Undang-Undang sebagaimana yang keadaan-keadaan mungkin mengkehendaki.

(3) Sesuatu Perintah Pembetulan atau Perintah Penyemakan Undang-Undang yang dibuat bagi maksud membetulkan sesuatu kesilapan boleh mempunyai kuatkuasa yang kebelakangan sejak dari tarikh penyisipan ke dalam Undang-Undang muka surat yang mengandungi kesilapan itu.

(4) Di dalam bab ini “kesilapan” bermakna penerbitan oleh Peguam Negara sesuatu undang-undang bertulis dalam sesuatu bentuk yang tidak dibenarkan oleh Akta ini, atau ketinggalan daripada Undang-Undang sesuatu undang-undang bertulis yang dikehendaki oleh Akta ini untuk diterbitkan dalam Undang-Undang.

**21.** (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 6 (1), jika Peguam Negara memikirkannya mustahak, bagi kepentingan-kepentingan ekonomi atau kesesuaian, dalam menyemak mana-mana muka surat dari Undang-Undang kepada mana sesuatu pindaan telah dibuat sejak tarikh penyemakan terakhir atau terhadap mana

Cara lain bagi  
meminda  
Undang-  
Undang

Peguam Negara bercadang akan membuat sesuatu pindaan, maka Peguam Negara boleh sebagai ganti untuk menyatukan pindaan itu di dalam Undang-Undang dengan mengeluarkan muka surat dan menyisipkan di tempatnya satu muka surat yang menerangkan undang-undangnya sebagaimana dipinda —

(a) membenarkan muka surat yang berhubung dengan pindaan itu (di dalam bab ini digelar "muka surat yang dipinda") untuk terus menjadi sebahagian dari Undang-Undang itu ; dan

(b) memasukkan ke dalam Undang-Undang itu satu muka surat (di dalam bab ini digelar "muka surat pindaan") yang menghuraikan butir-butir pindaan itu.

(2) Perjalanan kuasa-kuasanya di bawah bab ini bersabit dengan sesuatu pindaan tidaklah sekali-kali menyentuh kuasa Peguam Negara pada bila-bila masa untuk menyatukan pindaan itu di dalam Undang-Undang dengan mengeluarkan muka surat yang dipinda itu dan menyisipkan di tempatnya satu muka surat yang menerangkan undang-undangnya sebagaimana dipinda.

(3) Sesuatu muka surat pindaan adalah bagi segala maksud merupakan sebahagian dari Undang-Undang dan boleh dikendalikan menurut peruntukan-peruntukan dari Akta ini dengan secara yang sama seperti mana-mana muka surat lain dari Undang-Undang itu.

Permulaan  
kuatkuasa  
Undang-  
Undang

**22.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh secara Pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan suatu tarikh bagi permulaan kuatkuasa Undang-Undang tersebut.

Perbelanjaan  
Penyemakan

**23.** Perbelanjaan bagi dan berhubung dengan persediaan dan penerbitan Undang-Undang adalah dikenakan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

JADUAL

(Bab 11 (2))

DOKUMEN-DOKUMEN PERLEMBAGAAN,  
PERUNDANGAN DAN DOKUMEN-DOKUMEN LAIN  
YANG TERMASUK DALAM UNDANG-UNDANG

Perjanjian Persahabatan & Kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom bertarikh 7hb Januari, 1979.

Pemasyhuran Pesisir Laut 1954 No. S. 41 bertarikh 30hb Jun, 1954.

North Borneo (Definition of Boundaries) Order in Council, 1958. Statutory Instruments 1958 No. 1517 bertarikh 11hb September, 1958.

Sarawak (Definition of Boundaries) Order in Council, 1958. Statutory Instruments 1958 No. 1518 bertarikh 11hb September, 1958.

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

18

PENG. 1

*Penyemakan Undang-Undang*

[Tambahan]

## UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

**Memasuk dan menandakan muka-muka surat yang dibenarkan oleh Perintah di bawah bab 5 (1)**

- S.9/85      1. Peguam Negara telah membenarkan permasukan dalam Undang-Undang bagi setiap muka surat yang melambangkan di atasnya tajuk "Undang-Undang Negara Brunei Darussalam" dan atas permukaan atau muka surat belakangnya dengan perkataan "(B.L.R.O. 1/1984)".
- S.17/85      2. Mulai dari 1hb Januari, 1986 muka-muka surat yang ditentukan dalam ruang ketiga dari Susunan Angka Undang-Undang yang berhubung dengan Penggal masing-masing dan lain-lain perkara yang ditentukan dalam ruang pertama dan kedua dari susunan tersebut adalah dibenarkan untuk dimasukkan dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam untuk disiarkan di bawah Akta Penyemakan Undang-Undang.

**Penetapan tarikh penyemakan dengan Perintah di bawah bab 7 (1)**

- S.13/85      Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menetapkan 1hb Januari, 1984 sebagai tarikh penyemakan yang pertama bagi Undang-Undang.

**Permasukan dalam Undang-Undang bagi Undang-Undang bertulis yang telah dibuat tetapi belum lagi berjalan kuatkuasanya sebagaimana yang dipersyaratkan oleh bab 11 (3)**

- S.10/85      Peguam Negara telah dengan Perintah membenarkan permasukan dalam Undang-Undang bagi undang-undang bertulis yang berikut yang telah dibuat tetapi belum lagi berjalan kuatkuasanya --

Ikhtisas Undang-Undang  
Perkapalan Pedagang  
Pelabuhan-Pelabuhan

- S.12/85      **Ketinggalan dari Akta-Akta daripada Undang-Undang dengan Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah bab 12 (1) dan oleh Peguam Negara di bawah bab 12 (2)**

Undang-Undang yang ketinggalan dibentangkan dalam Bahagian-Bahagian I dan II dari Susunan Akta-Akta yang ketinggalan yang bermula di muka surat xxxv.

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Penyemakan Undang-Undang*

**PENG. 1**

**19**

[Tambahan]

**Pemberitahuan penetapan suatu tarikh bagi bermulanya kuatkuasa Undang-Undang**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menetapkan 1hb Januari, 1986 bagi bermulanya kuatkuasa Undang-Undang.

S.11/85